

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

JAWAPAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) apakah status pindaan Akta Kerja 1955 untuk melindungi pekerja dan pemohon kerja wanita hamil dan memperkasa golongan ini; dan
- (b) usaha Kementerian ke arah memastikan pekerja di Sabah dan Sarawak dapat menikmati hak yang sama seperti pekerja di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung cadangan pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265), antara pindaan yang dicadangkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) ialah peruntukan mengenai larangan diskriminasi dalam pekerjaan. Melalui cadangan pindaan ini, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan diberi kuasa untuk menyiasat dan mengambil tindakan ke atas majikan yang didakwa melakukan diskriminasi termasuk berkaitan jantina dalam syarat-syarat pekerjaan yang diberikan kepada pekerja.
2. Namun begitu, Akta 265 ini hanya terpakai kepada mereka yang telah memasuki kontrak pekerjaan (*contract of service*) dengan mana-mana majikan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak terpakai kepada pencari kerja (*job seekers*) termasuk wanita hamil.
3. Sungguhpun demikian, KSM sedang mengkaji kebolehlaksanaan untuk menangani isu diskriminasi pencari kerja melalui akta lain seperti Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian ini dalam proses meminda Akta Kerja 1955 (Akta 265). Pada masa yang sama, Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 76) juga sedang dikaji semula bagi tujuan penyeragaman peruntukan agar selari dengan pindaan Akta Kerja 1955.

Sekian, terima kasih.